**Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)**
**2022, Volume 7, Issue 6, e001577**
**DOI:** https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i6.1577

# Persepsi Guru Bahasa Cina Terhadap Kandungan Buku Teks Bahasa Cina SJKC Tahun Satu

## *(Chinese Language Teachers' Perceptions of Year One Chinese Textbooks' Contents for Chinese National-type Primary Schools)*

Fam Choo Chen[1*], Tan Tiam Lai[2]

[1]Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
Email: cchen1568@gmail.com
[2]Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
Email: tiamlai@fbk.upsi.edu.my

**CORRESPONDING AUTHOR (*):**
Fam Choo Chen
(cchen1568@gmail.com)

**KATA KUNCI:**
Buku teks
Bahasa Cina
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

**KEYWORDS:**
Textbook
Chinesen language
Chinese National-type Primary School

**CITATION:**
Fam, C. C., & Tan, T. L.. (2022). Persepsi Guru Bahasa Cina Terhadap Kandungan Buku Teks Bahasa Cina SJKC Tahun Satu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(6), e001577. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i6.1577

## ABSTRAK

Buku teks adalah bahan pengajaran yang rasmi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina di Malaysia. Namun demikian, kesesuaian kandungan dan pembinaan buku teks Bahasa Cina sering dipertikaikan oleh pelbagai pihak termasuk dalam kalangan guru Bahasa Cina. Laporan Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia terhadap pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) 2018 menunjukkan bahawa guru Bahasa Cina berpendapat kandungan buku teks Bahasa Cina Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Tahun Satu kurang bersesuaian dengan kemampuan murid Tahun Satu. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kandungan buku teks Bahasa Cina Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Tahun Satu dari persepsi guru sebagai pengguna buku teks ini. Reka bentuk kajian kuantitatif digunakan dalam kajian ini di mana instrumen soal selidik digunakan untuk meninjau persepsi guru terhadap buku teks Bahasa Cina Tahun Satu. Dapatan kajian telah dianalisis dengan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26 secara deskriptif. Secara umumnya, hasil kajian menunjukkan buku teks Bahasa Cina adalah sederhana dari persepsi guru Bahasa Cina. Dapatan ini bermakna buku teks ini masih perlu ditambah baik demi kualiti pendidikan Bahasa Cina di negara kita. Dapatan kajian ini sedikit sebanyak memberi implikasi kepada usaha pembinaan buku teks di negara kita dengan mendedahkan persepsi guru terhadap buku teks Bahasa Cina.

## ABSTRACT

Textbooks are the main teaching materials in the field of Chinese Language learning in Malaysia. Nevertheless, the content's suitability and compilation of Chinese Language textbooks is often argued by different parties including Chinese Language teachers. A report by United Chinese

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

School Teachers Association of Malaysia towards the implementation of Primary School Standard Curriculum (KSSR) 2018 shows that Chinese Language teachers think that the content of the Year One Chinese Language textbook in National-type Primary School does not suit the ability of Year One students. Therefore, this study aims to identify the features of Year One Chinese Language Textbook of Chinese National-type Primary School from the perspective of Chinese Language teachers. Quantitative design is employed in this study where survey method is used to collect data regarding teachers' perception towards Year One Chinese Language textbook. Findings from study are analysed descriptively by Statistical Package for Social Science (SPSS) version 26 software. In general, the finding shows that Year One Chinese Language textbook is moderate. This finding implies that the textbook can be improved for the quality of Chinese education in our country. The findings of this study have some implications for the compilation of textbooks in our country by revealing the views of teachers on Chinese Language textbooks.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini mendedahkan persepsi guru Bahasa Cina terhadap buku teks Bahasa Cina Tahun Satu secara keseluruhan. Dapatan kajian ini diharap dapat membantu dalam usaha pembinaan dan penambahbaikan buku teks Bahasa Cina agar kualiti pendidikan Bahasa Cina di negara kita terus maju.

## 1. Pengenalan

Malaysia terdiri daripada masyarakat yang berbilang bangsa dan budaya. Keadaan ini telah membentuk sistem pendidikan Malaysia yang unik dan kompleks. Secara umumnya, sistem pendidikan rendah di Malaysia terdiri daripada Sekolah Kebangsaan (SK) yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar. Namun demikian, semua sekolah rendah yang berada di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan kurikulum yang seragam dan sama.

Untuk memastikan murid diperuntukkan dengan ilmu pengetahuan atau kemahiran yang diperlukan, KPM telah melakukan perubahan dan pembaharuan terhadap kurikulum dari semasa ke semasa. Pada tahun 2011, pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah dimulakan secara berperingkat mengganti Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) semakan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2003 untuk menambah baik kualiti serta penyampaian sistem pendidikan yang sedia ada di negara kita. Pada tahun 2017 pula, usaha penambahbaikan terhadap KSSR diteruskan dengan melakukan semakan kepada KSSR secara berperingkat pada tahun 2017. Menurut Azis dan Rosli (2021), semakan terhadap kurikulum ini adalah penting bagi melahirkan insan yang berkemahiran, berkemampuan dan berdaya saingan di pelantar dunia pada abad ke-21. Sehubungan dengan itu, buku teks juga disemak untuk memastikan kandungannya selaras dengan objektif pelaksanaan KSSR semakan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

### 1.1. Pernyataan Masalah

Pelaksanaan KSSR semakan telah dimulakan pada tahun 2017 secara berperingkat di semua sekolah rendah di Malaysia. Pelaksanaannya juga membawa perubahan yang ketara kepada buku teks termasuklah buku teks Bahasa Cina. Kajian Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (UCSTAM, 2018) terhadap pelaksanaan KSSR di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina menunjukkan guru kurang berpuas hati dengan perubahan buku teks Bahasa Cina KSSR Semakan. Selain itu, kajian terhadap buku teks Bahasa Cina baharu masih kekurangan di negara kita (Yue, 2020). Justeru itu, kajian buku teks diperlukan untuk menjamin kualiti buku teks Bahasa Cina di Malaysia kerana buku teks memainkan peranan yang penting dalam sistem pendidikan di Malaysia. Selain itu, artikel surat khabar *Sin Chew Daily* juga mempertikai profesionalisme penulis buku dalam pembinaan buku teks Bahasa Cina dengan menunjukkan kesilapan dalam buku teks Bahasa Cina Tahun Satu (Zhou, 2021). Tambahan pula, kajian terhadap buku teks adalah mustahak demi menghasilkan buku teks Bahasa Cina yang berkualiti (Yu, 2020). Oleh itu, kajian ini akan membuat tinjauan untuk mengetahui persepsi guru Bahasa Cina terhadap buku teks Bahasa Cina sebagai pelaksana pengajaran buku teks Bahasa Cina. Hasilnya dapat mendedahkan aspek buku teks Bahasa Cina yang harus ditambah baik pada masa hadapan.

### 1.2. Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kandungan buku teks Bahasa Cina Tahun Satu dari persepsi guru Bahasa Cina.

## 2. Sorotan Literatur

Secara amnya, buku teks merupakan media penting yang digunakan untuk menyalurkan maklumat dan ilmu pengetahuan kepada murid. Ia adalah bahan sumber dan rujukan yang utama bagi guru untuk menjalankan pengajaran yang berkesan. Global Education Monitoring Report 2016 menyatakan para guru menggunakan buku teks sebagai teras pengajaran dalam 70%-95% daripada waktu pengajaran dan pembelajaran dalam kelas (Benavot & Jere, 2016). Dapatan laporan ini menunjukkan betapa pentingnya buku teks sebagai instrumen utama proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas di seluruh dunia. Menurut Guan dan Liu (2019), buku teks memainkan peranan penting dalam usaha memupuk dan meningkatkan kemahiran bahasa. Tambahan pula, para penyelidik juga bersetuju bahawa buku teks mempunyai pengaruh yang besar terhadap kualiti pembelajaran (Guan & Liu, 2019; Hashim et al., 2018; Kalyany Ponnusamy et al., 2021; Shepin, 2019). Oleh yang demikian, buku teks yang berkualiti merupakan instrumen yang penting bagi guru untuk memastikan kualiti pembelajaran dengan menggunakan lebih banyak masa dalam pengajaran dan bukannya menghasilkan bahan pembelajaran untuk murid (Cheng & Rosli, 2020).

Begitu juga di Malaysia, buku teks telah memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan negara di mana buku teks adalah media utama yang digunakan dalam alam persekolahan. Sistem pendidikan Malaysia memang tidak dapat dipisahkan dengan penggunaan buku teks (Lim & Mohd Fadzil, 2021) kerana buku teks menepati kurikulum seragam di semua sekolah bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia (Azis & Rosli, 2021). Tambahan pula, kebanyakan guru menggunakan buku teks sebagai suatu rujukan dan bimbingan untuk melaksanakan kurikulum yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Azhar & Rosli, 2021). Kajian lepas telah menunjukkan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

guru melihat buku teks sebagai rujukan asas yang sahih dan rasmi dalam proses pembelajaran dan pengajaran (Mahamod et al., 2011). Oleh yang demikian, kualiti buku teks menjadi suatu isu yang penting dalam dunia pendidikan. Cheng dan Rosli (2020) juga menegaskan bahawa usaha penambahbaikan buku teks seharusnya berterusan bagi memastikan kandungan buku teks dapat memenuhi keperluan murid dan keperluan semasa pendidikan.

Dalam bidang Bahasa Cina, para penyelidik bersetuju bahawa pembinaan dan pembangunan buku teks Bahasa Cina seharusnya berpandukan prinsip pembinaan bahan pengajaran Bahasa Cina untuk menjamin kualiti pendidikan Bahasa Cina (Guan & Liu, 2019; Wang, 2020a; Wee, 2019; Yang, 2015). Menurut Jia (2015), terdapat 6 prinsip pembinaan bahan pengajaran yang perlu dipatuhi demi menjamin kualiti bahan pengajaran. Enam prinsip pembinaan bahan pengajaran yang dimaksudkan adalah prinsip sasaran, prinsip tujuan, prinsip kepraktisan, prinsip saintifik, prinsip keserasian dan prinsip keseronokan. Berdasarkan prinsip sasaran, kumpulan sasaran yang menggunakan buku teks tersebut perlu dikenal pasti agar pembinaan buku teks adalah berarah dan menjurus kepada kumpulan sasarannya. Prinsip tujuan pula menyatakan kepentingan buku teks untuk menonjolkan tujuan pendidikan Cina dalam pembinaan buku teks bagi memastikan keupayaan dan kemahiran bahasa dipupuk dalam kalangan murid. Prinsip kepraktisan pula menekankan bahawa buku teks Bahasa Cina yang dibina mesti menepati kriteria mendekati kehidupan sebenar dan berguna untuk murid, memudahkan pembelajaran murid dan memudahkan pengajaran guru. Prinsip saintifik menyatakan kandungan buku teks haruslah disusun dengan sistematik, logik, menepati konsep dari mudah ke sukar, sesuai dengan perkembangan kognitif murid dan menepati teori pembelajaran. Prinsip keserasian menekankan bahawa buku teks Bahasa Cina yang dibina harus menjaga budaya Cina dan budaya tempatan. Prinsip keseronokan pula memastikan buku teks Bahasa Cina yang dibina adalah menarik dan memikat hati murid. (Jia, 2015). Ringkasnya, buku teks Bahasa Cina yang dibina perlu menepati prinsip pembinaan bahan pengajaran untuk memastikan kualiti pembelajaran Bahasa Cina terjamin.

Terdapat kajian tentang buku teks yang berlainan telah dijalankan di Malaysia. Namun demikian, kajian yang meneliti buku teks Bahasa Cina Sekolah Jenis Kebangsaan Cina KSSR Semakan masih terbatas. Wee (2019) telah menjalankan penelitian terhadap buku teks Bahasa Cina ini dengan memperbandingkannya dengan buku teks Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan untuk melihatkan keadaan pembelajaran Bahasa Cina murid bukan penutur natif di SJK dan SK. Dapatan beliau menunjukkan pembinaan buku teks Bahasa Cina Sekolah Jenis Kebangsaan Cina kurang sesuai kepada penutur bukan natif yang belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di mana guru terpaksa menjalan adaptasi terhadap buku teks untuk memenuhi keperluan murid bukan penutur natif. Lee (2020) pula menjalankan penyelidikan terhadap penggunaan kosa kata dalam buku teks Bahasa Cina Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Malaysia. Kajian tersebut mendapati penggunaan kosa kata Bahasa Cina dalam buku teks ini mempunyai sedikit perbezaan apabila dibandingkan dengan penggunaan kosa kata buku teks negara China. Perbezaan tersebut tidak memberi kesan ketara dalam menguasai Bahasa Cina asalkan penggunaan kosa kata adalah piawai dan tepat.

## 3. Metod Kajian

### 3.1. Reka Bentuk Kajian

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kajian tinjauan merupakan kaedah yang sering digunakan dalam bidang pendidikan. Ia merupakan cara yang berkesan untuk mengumpul data daripada responden dengan menujukan soalan kepada responden. Kaedah kajian tinjauan yang sering menjadi pilihan pengkaji termasuk soal selidik dan temu bual. Menurut Creswell dan Creswell (2018), kaedah soal selidik merupakan kaedah untuk mendapat maklumat yang berbentuk pendapat, sikap dan persepsi suatu populasi daripada responden yang dijadikan sampel kajian. Kaedah soal selidik sesuai untuk mengumpul maklumat daripada sampel kajian ini kerana ia merupakan kaedah yang berkesan, efektif dan menjimatkan masa. Edaran instrumen kajian dijalankan melalui *google form* secara atas talian.

### 3.2. Populasi dan Sampel

Kajian ini berfokus untuk meneliti buku teks Bahasa Cina Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (KSSR Semakan) Tahun Satu dari persepsi guru. Oleh itu, populasi kajian ini dikenal pasti sebagai guru Bahasa Cina Tahap Satu yang pernah menggunakan buku teks ini dalam pengajaran mereka. Kaedah persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini untuk memastikan sampel kajian memenuhi syarat. Seramai 130 orang guru Bahasa Cina Tahap Satu telah terlibat dalam kajian ini.

### 3.3. Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik merupakan himpunan soalan yang tersusun untuk mengumpul data yang diperlukan dalam kajian. Instrumen soal selidik ini dibangunkan dengan rujukan kepada kajian lepas. Instrumen ini mengandungi dua bahagian iatu bahagian A yang mengumpul data tentang demografi responden dan bahagian B yang mengumpul maklumat tentang pandangan responden terhadap buku teks Bahasa Cina Tahun Satu.

Instrumen soal selidik ini telah disemak oleh dua orang guru pakar Bahasa Cina dan diuji kebolehpercayaannya dengan nilai *Alpha Cronbach*. Dapatan nilai *Alpha Cronbach* menunjukkan kebolehpercayaan instrumen soal selidik berada pada tahap tinggi dan boleh diterima. Jadual 1 menunjukkan dapatan nilai *Alpha Cronbach* dan interpretasinya bagi instrumen soal selidik kajian ini.

Jadual 1: Nilai *Alpha Cronbach*

| Aspek | Bilangan item | Nilai *Alpha Cronbach* | Interpretasi |
|---|---|---|---|
| Keseluruhan pembinaan buku teks | 8 | 0.903 | Tinggi |
| Petikan teks dan kosa kata Bahasa Cina | 13 | 0.959 | Tinggi |
| Penampilan kemahiran, latihan dan aktiviti | 13 | 0.855 | Tinggi |

### 3.4. Analisis Kajian

Data yang dikumpulkan dan dianalisis dengan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26 untuk melihat kandungan buku teks Bahasa Cina dari persepsi guru.

## 4. Dapatan Kajian

### 4.1. Demografi Responden

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Sebelum dapatan kajian dibincangkan, demografi responden perlu dilihat untuk mengetahui latar belakang mereka secara umum.

Jadual 2 menunjukkan demografi responden. Daripada jumlah responden seramai 130 orang guru Bahasa Cina, didapati guru perempuan adalah majoriti dan mendominasi kajian ini (90.8%) berbanding dengan guru lelaki (9.2%). Dari segi umur pula, majoriti guru yang terlibat dalam kajian ini adalah lingkungan 31- 40 tahun (56.2%), diikuti oleh guru yang berumur 41-50 tahun (26.9%), guru yang berumur 21-30 tahun (10.0%) dan guru yang berumur 51-60 tahun adalah kategori yang minoriti dalam kajian ini (6.9%). Kelayakan akademik yang dominan adalah Ijazah Sarjana Muda (77.7%), diikuti oleh Diploma Pendidikan (17.7%) dan Ijazah Sarjana (4.6%). Di samping itu, majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini berpengalaman dalam pengajaran Bahasa Cina selama 10-15 tahun (40.0%), diikuti oleh pengalaman pengajaran Bahasa Cina antara 6-10 tahun (27.7%), pengalaman pengajaran Bahasa Cina melebihi 15 tahun (16.9%). Guru dengan pengalaman dalam pengajaran Bahasa Cina antara 1-5 tahun adalah kategori yang paling minoriti dalam pengalaman mengajar Bahasa Cina (15.4%). Memandangkan sampel kajian adalah guru Bahasa Cina Tahap Satu, maka pengalaman mereka dalam bidang Bahasa Cina Tahap Satu turut dikumpulkan. Didapati kebanyakan guru berpengalaman 1-5 tahun (38.5%) dan 6-10 tahun (32.23%), sebanyak 22.3% responden berpengalaman 10-15 tahun dalam bidang Bahasa Cina Tahap Satu dan hanya 6.9% responden yang melibatkan diri dalam bidang Bahasa Cina Tahap Satu melebihi 15 tahun.

Jadual 2: Maklumat responden

| Maklumat | Kategori | Kekerapan (n=130) | Peratus |
|---|---|---|---|
| **Jantina** | Lelaki | 12 | 9.2% |
| | Perempuan | 118 | 90.8% |
| **Lingkungan umur** | 21-30 | 13 | 10.0% |
| | 31-40 | 73 | 56.2% |
| | 41-50 | 35 | 26.9% |
| | 51-60 | 9 | 6.9% |
| **Kelayakan Akademik** | Diploma Pendidikan | 23 | 17.7% |
| | Ijazah Sarjana Muda | 101 | 77.7% |
| | Ijazah Sarjana | 6 | 4.6% |
| **Pengalaman mengajar Bahasa Cina** | 1-5 tahun | 20 | 15.4% |
| | 6-10 tahun | 36 | 27.7% |
| | 10-15 tahun | 52 | 40.0% |
| | > 15 tahun | 22 | 16.9% |
| **Pengalaman mengajar Bahasa Cina Tahap Satu** | 1-5 tahun | 50 | 38.5% |
| | 6-10 tahun | 42 | 32.3% |
| | 10-15 tahun | 29 | 22.3% |
| | > 15 tahun | 9 | 6.9% |

### 4.2. Interpretasi Data Skor Min

Menurut Md. Tahar dan Mohd Zaid (2019), nilai skor min yang diperoleh daripada analisis dapatan soal selidik boleh dinilai dengan mengkategorikannya kepada tahap interpretasi yang tertentu. Skor min boleh digunakan untuk menentukan penilaian responden terhadap buku teks Bahasa Cina Tahun Satu dalam kajian ini. Jadual 3 menunjukkan interpretasi skor min.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 3: Interpretasi Skor Min

| Skor Min | Interpretasi |
|---|---|
| **1.00-2.33** | Rendah |
| **2.34-3.66** | Sederhana |
| **3.67-5.00** | Tinggi |

Sumber: Md. Tahar dan Mohd Zaid (2019)

### 4.3. Persepsi guru terhadap keseluruhan buku teks Bahasa Cina Tahun Satu

Terdapat 8 item yang dianalisis untuk meneliti keberkesanan pembangunan buku teks Bahasa Cina Tahun Satu secara keseluruhan. Berdasarkan Jadual 4, item 1, 2, 3, 4, 5 menunjukkan catatan skor yang berada di tahap tinggi, manakala item 6, 7, 8 menunjukkan catatan skor min pada tahap sederhana. Item 4 telah mencatatkan skor min yang tertinggi iaitu 4.19 dan item ini merupakan satu-satunya item yang melebihi skor min 4. Item ini juga mencatatkan sisihan piawai yang rendah (0.611), data ini menunjukkan taburan data adalah agak tertumpu bagi item ini dan justeru menunjukkan bahawa persepsi para responden adalah agak seragam mengenai item ini. Item yang merekodkan catatan terendah adalah item 6 iaitu "*Pembinaan buku teks memudahkan pengajaran guru.*" (3.50). Persepsi responden terhadap item ini juga agak konsisten di mana sisihan piawai adalah 0.883. Purata skor min bagi keseluruhan pembinaan buku teks adalah 3.73 yang berada pada tahap tinggi. Ini bermaksud pandangan guru terhadap pembinaan buku teks Bahasa Cina Tahun Satu secara keseluruhan adalah antara sederhana ke tinggi. Maklumat lanjut tentang aspek ini telah ditunjukkan dalam Jadual 4 seperti berikut.

Jadual 4: Skor min bagi keseluruhan pembinaan buku teks Bahasa Cina Tahun Satu

| Item | Min | Sisihan Piawai | Interpretasi |
|---|---|---|---|
| 1. Buku teks dibina dengan jelas dan mudah difahami. | 3.91 | 0.698 | Tinggi |
| 2. Pembinaan buku teks menonjolkan pengetahuan asas Bahasa Cina Tahun Satu. | 3.68 | 0.845 | Tinggi |
| 3. Pembinaan buku teks menunjukkan kesinambungan erat dalam pengetahuan. | 3.69 | 0.786 | Tinggi |
| 4. Penggunaan Bahasa Cina adalah tepat dalam buku teks. | 4.19 | 0.611 | Tinggi |
| 5. Penggunaan gaya bahasa adalah menarik dalam buku teks. | 3.73 | 0.796 | Tinggi |
| 6. Pembinaan buku teks memudahkan pengajaran guru. | 3.50 | 0.883 | Sederhana |
| 7. Keseluruhan kandungan buku teks sesuai dengan kumpulan sasaran | 3.53 | 0.900 | Sederhana |
| 8. Keseluruhan kandungan buku teks menjaga budaya Cina dan budaya tempatan. | 3.63 | 0.799 | Sederhana |

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

### 4.4. Persepsi guru terhadap petikan teks dan kosa kata Bahasa Cina buku teks Bahasa Cina Tahun Satu

Terdapat 13 item yang dianalisis untuk melihat persepsi guru terhadap petikan teks dan kosa kata Bahasa Cina dalam buku teks Bahasa Cina Tahun Satu. Antaranya, 9 item adalah mengenai keberkesanan petikan teks dan 4 item lagi adalah mengenai penggunaan kosa kata Bahasa Cina dalam buku teks. Didapati semua item dalam bahagian ini hanya berada pada tahap sederhana. Item 3 iaitu "*Kesukaran teks menepati konsep dari senang ke susah.*" mendapat catatan skor min yand tertinggi (3.61) dengan sisihan piawai yang paling rendah iaitu 0.792. Data ini menunjukkan persepsi guru adalah agak konsisten terhadap item ini. Item 8 "*Panjang teks adalah sesuai dengan murid Tahun Satu.*" pula mendapat catatan skor min yang paling rendah (3.28) dengan sisihan piawai yang paling tinggi (1.026). Keadaan ini menunjukkan taburan data adalah luas dan persepsi guru terhadap item ini adalah agak berbeza. 4 item yang menilai persepsi guru terhadap penampilan kosa kata Bahasa Cina dalam buku teks Bahasa Cina menunjukkannya berada pada tahap sederhana. Data menunjukkan persepsi guru adalah agak konsisten terhadap kosa kata Bahasa Cina. Ini dapat dilihat daripada keempat-empat item yang berkenaan menunjukkan catatan skor min antara 3.48-3.58 dengan sisihan piawai lebih kurang 0.8. Maklumat lanjut mengenai aspek ini telah ditunjukkan pada Jadual 5.

Jadual 5: Skor min bagi aspek petikan teks dan kosa kata Bahasa Cina buku teks Bahasa Cina Tahun Satu

| Item | Min | Sisihan Piawai | Interpretasi |
|---|---|---|---|
| 1. Genre teks bersesuaian dengan tahap perkembangan kognitif murid Tahun Satu. | 3.37 | 0.916 | Sederhana |
| 2. Tema teks bersesuaian dengan tahap perkembangan kognitif murid Tahun Satu. | 3.49 | 0.874 | Sederhana |
| 3. Kesukaran teks menepati konsep dari senang ke susah. | 3.61 | 0.792 | Sederhana |
| 4. Kandungan teks adalah praktikal kepada murid | 3.55 | 0.845 | Sederhana |
| 5. Tema teks dapat menarik minat murid. | 3.59 | 0.842 | Sederhana |
| 6. Unsur kebudayaan yang diterap dalam teks menarik minat murid. | 3.44 | 0.845 | Sederhana |
| 7. Kandungan teks mendekati kehidupan sebenar murid di sekolah. | 3.58 | 0.887 | Sederhana |
| 8. Panjang teks adalah sesuai dengan murid Tahun Satu. | 3.28 | 1.026 | Sederhana |
| 9. Panjang ayat dalam teks adalah sesuai dengan murid Tahun Satu. | 3.40 | 0.977 | Sederhana |
| 10. Frekuensi penggunaan kosa kata yang perlu dipelajari adalah tinggi dalam teks. | 3.48 | 0.819 | Sederhana |
| 11. Kosa kata yang dipelajari membantu dalam interaksi murid. | 3.58 | 0.806 | Sederhana |
| 12. Bilangan kosa kata yang perlu dipelajari dalam setiap unit pembelajaran adalah munasabah. | 3.52 | 0.819 | Sederhana |
| 13. Bilangan kosa kata yang perlu dipelajari sepanjang tahun adalah munasabah. | 3.48 | 0.856 | Sederhana |

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

### 4.5. Persepsi guru terhadap penampilan latihan dan aktiviti buku teks Bahasa Cina Tahun Satu

Bagi aspek penampilan kemahiran, latihan dan aktiviti pula, terdapat 13 item yang dianalisis untuk melihat persepsi guru terhadapnya. Antara 13 item yang dinilai, didapati hanya 1 item yang berada pada tahap tinggi. Item ini "*Arahan latihan dan aktiviti jelas*." telah mencapai catatan skor min 3.71 dan sisihan piawai yang agak rendah (0.731). Data ini menunjukkan persepsi guru terhadap item ini adalah agak seragam kerana sisihan piawai adalah agak kecil berbanding dengan item lain. Item 9 iaitu "*Latihan dan aktiviti dapat menarik minat murid.*" telah mencatatkan skor min yang paling rendah dalam aspek ini. Justerunya, item ini adalah aspek yang paling lemah berbanding dengan item lain walaupun ia berada pada tahap sederhana. Maklumat lanjutan tentang aspek ini telah ditunjukkan dalam Jadual 6 seperti berikut.

Jadual 6: Skor min bagi aspek penampilan kemahiran, latihan dan aktiviti buku teks Bahasa Cina Tahun Satu

| Item | Min | Sisihan Piawai | Interpretasi |
|---|---|---|---|
| 1. Nisbah pembelajaran kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan bertulis adalah munasabah. | 3.65 | 0.734 | Sederhana |
| 2. Pembinaan buku teks dapat membantu murid dalam menguasai kemahiran mendengar dan bertutur. | 3.57 | 0.825 | Sederhana |
| 3. Pembinaan buku teks dapat membantu murid dalam menguasai kemahiran membaca. | 3.52 | 0.828 | Sederhana |
| 4. Pembinaan buku teks dapat membantu murid dalam menguasai kemahiran menulis ayat. | 3.37 | 0.916 | Sederhana |
| 5. Pembinaan buku teks dapat membantu murid dalam menguasai kemahiran menulis perkataan Bahasa Cina. | 3.48 | 0.856 | Sederhana |
| 6. Pembinaan buku teks dapat membantu murid dalam menguasai perbendaharaan kata Bahasa Cina. | 3.62 | 0.819 | Sederhana |
| 7. Kuantiti latihan dan aktiviti adalah sesuai dengan kumpulan sasaran | 3.55 | 0.817 | Sederhana |
| 8. Bentuk latihan dan aktiviti adalah pelbagai bentuk. | 3.62 | 0.652 | Sederhana |
| 9. Latihan dan aktiviti dapat menarik minat murid. | 3.42 | 0.815 | Sederhana |
| 10. Arahan latihan dan aktiviti jelas. | 3.71 | 0.731 | Tinggi |
| 11. Kesukaran latihan dan aktivti menepati konsep dari senang ke susah. | 3.61 | 0.840 | Sederhana |
| 12. Latihan dan aktiviti menggalakkan kerjasama murid | 3.53 | 0.818 | Sederhana |
| 13. Latihan dan aktiviti berpusatkan murid | 3.58 | 0.815 | Sederhana |

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

## 5. Perbincangan Kajian

### 5.1. Persepsi guru terhadap keseluruhan buku teks Bahasa Cina Tahun Satu

Secara amnya, persepsi guru terhadap keseluruhan buku teks Bahasa Cina adalah sederhana tinggi. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian lepas tentang kepuasan guru terhadap keseluruhan buku teks Bahasa Cina Tahun Satu adalah pada tahap sederhana (Wee, 2019). Dapatan menunjukkan buku teks ini dibina dengan agak jelas dan mudah difahami. Buku teks ini juga menonjolkan pengetahuan asas Bahasa Cina dan terdapat kesinambungan erat antara pengetahuan yang disampaikan dalamnya. Penggunaan bahasa didapati agak tepat dengan gaya penyampaian yang agak menarik. Ciri-ciri ini adalah antara kekuatan yang ditonjolkan dalam buku teks ini. Justerunya, kekuatan ini harus dikekalkan dan diperkasakan jika semakan terhadap buku teks ini dilakukan. Namun, terdapat aspek buku teks Bahasa Cina yang perlu ditambah baik berdasarkan data. Antaranya adalah pembinaan buku teks Bahasa Cina yang memudahkan pengajaran guru. Aspek ini merupakan isu yang paling kurang memuaskan berdasarkan dapatan. Buku teks Bahasa Cina perlu dibina dan disusun dengan pendekatan yang sesuai kerana ia memberi impak besar kepada kaedah pengajaran guru (Huang & Smishko, 2019). Berdasarkan dapatan, adalah jelas keseluruhan buku teks Bahasa Cina dapat ditambah baik dengan memastikan kandungannya sesuai dan menjurus kepada kumpulan sasaran. Memandangkan buku teks yang dikaji adalah buku teks Bahasa Cina Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, kandungan buku ini jelas menyasarkan murid penutur natif yang berumur 7 tahun. Pemilihan dan susunan kandungan buku teks Bahasa Cina mesti mengambil kira keperluan mereka sebagai pengguna buku (Jia, 2015). Dapatan juga menunjukkan buku teks ini boleh menambah baik bahagian persembahan kandungannya agar budaya Cina dan budaya tempatan dijaga. Buku teks yang berkualiti mestilah bersifat objektif, memastikan budaya Cina dan budaya tempatan diserasikan. Keserasian dan keseimbangan budaya dapat mengelakkan kesan negatif dalam pembelajaran Bahasa Cina (Jia, 2015; Wang, 2020b)

### 5.2. Persepsi guru terhadap petikan teks dan kosa kata Bahasa Cina buku teks Bahasa Cina Tahun Satu

Penampilan kosa kata Bahasa Cina memang tidak dipisahkan dengan petikan teks dalam buku teks Bahasa Cina. Dari segi petikan teks dalam buku teks, adalah jelas bahawa persepsi guru terhadap petikan teks adalah sederhana. Ini bermakna masih terdapat ruangan untuk menambah baik aspek petikan teks dalam buku teks Bahasa Cina. Data soal selidik menunjukkan aspek yang perlu diberi perhatian adalah panjang petikan teks. Penyelidik bersetuju bahawa kesesuaian panjang petikan teks perlu mengambil kira keadaan sebenar pembelajaran murid (Chen, 2018), dan perkembangan kognitif murid dengan logik (Jia, 2015). Oleh itu, petikan dalam buku teks perlu di kendali dengan cermat agar panjangnya logik bertepatan dengan prinsip saintifik. Bagi kosa kata Bahasa Cina dalam buku teks pula, data menunjukkan aspek ini terdapat ruangan penambahbaikan dalam frekuensi atau kekerapan penggunaannya dalam petikan teks. Kekerapan penggunaan kosa kata yang perlu dipelajari dalam petikan teks memberi impak kepada pembelajaran Bahasa Cina. Menurut Jia (2015), kekerapan penggunaan kosa kata yang tinggi membantu murid menguasai perkataan atau kosa kata tersebut dengan lebih berkesan. Justerunya, penggunaan kosa kata dalam petikan teks bukan sahaja perlu selari dengan kosa kata yang dipelajari, malahan kekerapan penggunaannya juga perlu dipertingkatkan agar murid dapat menguasainya dengan efektif.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

### 5.3. Persepsi guru terhadap penampilan latihan dan aktiviti buku teks Bahasa Cina Tahun Satu

Dari aspek penampilan kemahiran bahasa, latihan dan aktiviti dalam buku teks Bahasa Cina, persepsi guru terhadap buku teks Bahasa Cina Tahun Satu adalah sederhana. Kajian lepas menunjukkan kebanyakan guru perlu mengubah suai latihan dan aktiviti dalam buku teks demi menjaga keperluan murid yang berlainan tahap (Wee, 2019). Keadaan ini menunjukkan aspek penampilan kemahiran bahasa dalam buku teks ini masih dapat diperkasakan. Dapatan menunjukkan aktiviti dan latihan yang menampilkan kemahiran menulis adalah kurang memuaskan berbanding dengan kemahiran lain. Data menunjukkan penampilan kemahiran bertulis perlu diperkasakan. Menurut Jia (2015), empat keupayaan bahasa termasuklah keupayaan dan kemahiran bertulis adalah penting untuk mencapai tujuan pendidikan Cina. Selain itu, data juga menunjukkan latihan dan aktiviti adalah kurang menarik minat murid dari pandangan guru. Menurut Jia (2015), penampilan latihan dan aktiviti dalam buku teks yang menarik minat adalah penting kerana ia memberi impak yang positif dalam pembelajaran bahasa. Kajian lepas juga menunjukkan aktiviti yang bersifat gamifikasi dapat memberi kesan positif dan menarik minat murid dalam pembelajaran Bahasa Cina (Mohd Embros et al., 2020).

## 6. Kesimpulan

Berdasarkan hasil dapatan kajian, didapati persepsi guru terhadap buku teks Bahasa Cina Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Tahun Satu adalah berada pada tahap sederhana. Dapatan hasil kajian ini sedikit sebanyak mendedahkan persepsi guru terhadap buku teks ini dari pelbagai aspek buku teks. Persepsi guru terhadap buku teks ini adalah penting kerana mereka ialah pelaksana yang kerap menggunakannya. Kandungan buku teks yang dikenal pasti adalah mustahak bagi membantu bidang pembinaan buku teks Bahasa Cina di negara kita untuk melangkah ke hadapan. Ciri-ciri kandungan buku teks Bahasa Cina yang dikenal pasti boleh mengekal dan memperkasakan kekuatannya manakala kelemahannya dapat diatasi dengan lebih spesifik. Oleh itu, data ini akan membantu penulis buku teks untuk menghasilkan buku teks Bahasa Cina yang lebih berkualiti justeru meningkatkan keberkesanan pembelajaran Bahasa Cina.

Kesimpulannya, buku teks Bahasa Cina memainkan peranan yang penting dalam pendidikan Bahasa Cina. Hasil kajian menunjukkan buku teks Bahasa Cina Tahun Satu ini masih dapat ditambah baik. Hal ini adalah kerana pandangan guru sebagai pelaksana dan pengguna buku teks ini hanya berada pada tahap sederhana. Memandangkan buku teks adalah jelmaan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran yang menjadi rujukan rasmi guru dan murid, buku teks harus dinilai dan disemak dari semasa ke semasa. Semakan ini adalah mustahak bagi menjamin buku teks sesuai dengan konteks pendidikan yang terkini dan justeru meningkatkan kualiti pendidikan di negara kita.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

**Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Sekalung penghargaan ingin saya ucapkan kepada penyelia saya atas tunjuk ajar serta bimbingannya, rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi bantuan dan responden yang memberi kerjasama bagi menyempurnakan kajian ini.

**Kewangan (*Funding*)**

Penerbitan ini tidak memohon bantuan kewangan dari mana-mana pihak.

**Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)**

Tiada konflik kepentingan dalam proses menjalankan dan menyiapkan kajian ini.

**Rujukan**

Azhar, N. A., & Rosli, R. (2021). Analisis Kandungan Topik Tambah dan Tolak dalam Buku Teks Matematik Tahap 1 Sekolah Kebangsaan ( Content Analysis of Addition and Subtraction Topics in Mathematics Textbook Year 1 of Sekolah Kebangsaan ). *Jurnal Dunia Pendidikan*, *3*(1), 394–405.

Azis, A. A., & Rosli, R. (2021). Analisis Aras Kognitif Bagi Soalan dalam Buku Teks Matematik Tahun 4 KSSR Semakan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *6*(3), 146–158.

Benavot, A., & Jere, C. (2016). *Gender bias is rife in textbooks*. World Education Blog. https://gemreportunesco.wordpress.com/2016/03/08/gender-bias-is-rife-in-textbooks/

Chen, X. Y. (2018). *Xiao Xue Yu Wen Jiao Ke Shu Xuan Wen Biao Zhun Yan Jiu*. Ren Min Jiao Yu Chu Ban She.

Cheng, J. W., & Rosli, R. (2020). Analisis Domain Kognitif bagi Latihan dalam Buku Teks Matematik Tahun 6 (A Comparative Analysis on Cognitive Domain for Exercises in Year 6 Mathematics Textbooks). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *5*(11), 116–126.

Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research Design Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (Fifth Edit). SAGE Publications Inc.

Guan, C. L., & Liu, J. Y. (2019). "Yi Dai Yi Lu" Yan Xian Guo Jia Han Yu Guo Ji Tui Guang Jiao Cai Bian Xie Yuan Ze Yu Si Lu Tan Tao -- Yi Ha Sa Si Ke Tan Yi Li. *Jiao Yu Xian Dai Hua*, *53*(7), 172–203. https://doi.org/ : 10.16541/j.cnki.2095-8420.2019.53.060

Hashim, F., Abdul Hamid, B., A. Bakar, K., & Othman, Z. (2018). Gambaran gender dalam buku teks bahasa Inggeris Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, *14*(4), 174–187. https://doi.org/10.17576/geo-2018-1404-14

Huang, J., & Smishko, O. (2019). A Course of Colloquial Chinese and Its Compiling Principles. *Jiao Cai Yan Jiu*, *23*(3), 72–29.

Jia, Y. M. (2015). Lun Hai Wai Hua Wen Jiao Cai Bian Xie Yuan Ze. In G. C. Zou (Ed.), *Hua Wen Jiao Cai Bian Xie Yan Jiu* (pp. 37–47). Shang Wu Yin Shu Guan.

Kalyany Ponnusamy, N., C Sandaran, S., Hashim, N. H., & Gunasegaran, I. (2021). Evaluation of Year 6 KSSR English (SK) Textbook: Teachers' Perspectives. *LSP International Journal*, *8*(1), 67–80. https://doi.org/10.11113/lspi.v8.17232

Lee, M. Z. (2020). *An Analytical of Malaysia's Chinese Unique Vocabulary--Based on Chinese Primary School Textbook and work book as study target* [Master's Thesis, Nanjing Normal University]. http://www.cnki.net

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Lim, X. X., & Mohd Fadzil, H. (2021). Content Analysis Of Malaysian Form Two Science Textbook. *Malaysian Online Journal of Educational Sciences*, *9*(1), 51–69. http://mojes.um.edu.my

Mahamod, Z., Awang Itam, M., & Hamat, A. (2011). Sikap guru bahasa melayu sekolah rendah terhadap penggunaan buku teks bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *1*(2), 17–30.

Md. Tahar, A., & Mohd Zaid, N. (2019). Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Frog VLE Dalam Matapelajaran Biologi Tingkatan 4 (Student ' s Perception towards the Usage of Frog VLE in Form 4 Biology Subject). *Innovative Teaching and Learning Journal, 2*(2), 43–58.

Mohd Embros, N., Looi, L. H., & Wong, H. M. (2020). The Effects of Game Techniques in Learning of Chinese Words Recognition on Year One. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, *4*(3), 5–16.

Shepin, L. G. (2019). Making authentic literary texts relevant, meaningful, and fun in advanced beginner and intermediate Spanish-language classrooms. *Hispania*, *102*(3), 313–318. https://doi.org/10.1353/hpn.2019.0069

UCSTAM. (2018). *Tui Xing Xiao Xue Biao Zhun Ke Cheng (KSSR) De Gai Kuang Diao Cha*. http://web.jiaozong.org.my

Wang, J. W. (2020a). Dui Wai Han Yu Jiao Cai Bian Xie De Wen Hua Xing Yuan Ze Fen Xi--Yi <Han Yu Feng Guang> Wei Li. *Journal of Lanzhou Institute of Education*, *36*(6), 82–83. http://www.cnki.net

Wang, Q. J. (2020b). Xiao Xue Sheng Zuo Wen Qi Bu Hu Ping Hu Gai Zhi Wo Jian. *Journal of International Education Forum*, *2*(4), 74. https://doi.org/10.32629/jief.v2i4.1204

Wee, S. P. (2019). *The Study of the Content of Textbook SJKC and SK Malaysia - Standard One as Research Subject*. [Master's Thesis, Central China Normal University].

Yang, S. Q. (2015). Bian Xie Hua Wen Jiao Cai De Ji Ge Wen Ti. In G. C. Zou (Ed.), *Hua Wen Jiao Cai Bian Xie Yan Jiu*(pp. 21–28). Shang Wu Yin Shu Guan.

Yu, D. (2020). An Evaluation of a Chinese Language Textbook: From Students' Perspective. *US-China Education Review A*, *10*(1). https://doi.org/10.17265/2161-623x/2020.01.004

Yue, J. (2020). A Review on Chinese Textbooks in the Past Three Decades. *Overseas Chinese Education*, *110*(3), 27–38.

Zhou, J. H. (2021, September 11). Hua Xiao Ke Ben Shi Yi Chang Bei Ju. *Sin Chew Daily*. https://www.sinchew.com.my/20211109/周嘉惠-华小课本是一场悲剧/

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).